

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
PENUTUP AUDIT PEROLEHAN ICT UiTM
KAMPUS PUNCAK ALAM

25 JULAI 2025 | JUMAAT | 3.00 PM
BILIK MESYUARAT UTAMA
ARAS 3
BANGUNAN FF1
KAMPUS PUNCAK ALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia
Madani dan Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam **Mesyuarat Penutup Audit Perolehan ICT UiTM Kampus Puncak Alam** pada hari ini.
2. Mewakili UiTM Cawangan Selangor, saya mengucapkan selamat datang kepada pasukan Audit Bahagian Audit Dalam yang terdiri daripada;

YBrs. Puan Mia Imawati Jalil

Pengarah Bahagian Audit Dalam

YBrs. Encik Fauzi Yahaya

Timbalan Bendahari

Ketua Unit Audit Operasi Utama

YBrs. Encik Kamalunizam Mohd Maamor

Penolong Bendahari Kanan

YBrs. Encik M Effendy Abdullah Azillah

Penolong Akauntan Kanan

Turut hadir pada petang ini adalah **YBrs. En. Zamani Umar Husin**, Timbalan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, selaku Ketua Bahagian Digital UiTM Cawangan Selangor,

Ketua-ketua Unit Bahagian Digital dan staf-staf Bahagian Digital yang terlibat secara langsung

dan tidak langsung dalam audit yang telah dijalankan sebelum ini.

3. Saya dimaklumkan, Bahagian Audit Dalam telah menjalankan **Audit Perolehan ICT di UiTM Kampus Puncak Alam bermula pada 21 Oktober 2024** diikuti dengan **Lawatan Fizikal Aset pada 9 Disember 2024** serta beberapa sesi dalam talian bagi mengumpulan dan pengesahan maklumat.
4. Saya turut difahamkan ada beberapa penemuan telah didapati dalam sesi audit yang dijalankan dan Bahagian Digital telah mengambil tindakan yang diperlukan.
5. Diharapkan agar tindakan pembetulan yang telah diambil dapat memenuhi keperluan pihak audit.

6. Terima kasih diucapkan kepada Bahagian Digital kerana telah membuat persediaan sepanjang sesi audit yang telah dijalankan.

7. Tanpa membuang masa, saya menjemput pasukan audit untuk membentangkan pelaporan bagi mesyuarat penutup sesi audit untuk kali ini.

Sekian, terima kasih.